

Pendakian ke puncak emas

Um - 13/1/2017

Oleh ROZILAN SALLEH
(WARTAWAN UTUSAN)

'NEGARA harus terlepas daripada belunggu penjajah!' Itulah tekad penduduk Tanah Melayu apabila bendera Union Jack diturunkan dengan diiringi lagu *God Save The Queen* dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.

Perasaan gembira dan terharu rakyat yang berhimpun di Padang Kelab Selangor ketika itu tidak dapat digambarkan dengan kata-kata apabila acara bersejarah itu menandakan berakhirnya era penjajahan di negara ini dan lahirnya sebuah negara merdeka dan berdaulat pada tanggal 31 Ogos 1957.

Merintis kegemilangan kejayaan negara, kita tidak seharusnya melupakan terus sejarah awal kemerdekaan tanah air.

Hanya dengan mengimbas kembali sejarah, baru generasi muda mengerti betapa payah ranjau dan duri yang terpaksa dilalui pejuang terdahulu demi mengecapi kemerdekaan dan memelihara kemerdekaan bermakna menghargai perjuangan mereka.

Bertepatan dengan sambutan Jubli Emas Kemerdekaan negara yang ke-50 tahun ini, buku *50 Tahun Pendakian Ke Puncak Emas* yang memaparkan pengisahan sejarah kemerdekaan negara yang lengkap dan julung-julung kali-

nya menggabungkan kesemua fakta kemerdekaan yang begitu berpatriotisme diterbitkan.

Buku terbitan Jabatan Penerangan itu menyingkap rentetan lengkap dari awal detik kemerdekaan sehingga ke sambutan Jubli Emas Kemerdekaan negara yang ke-50 tahun, akan dilancarkan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin di Pulau Pinang hari ini.

Judul *50 Tahun Pendakian Ke Puncak Emas* itu sendiri membawa maksud deretan peristiwa, perjalanan pembangunan dan kejayaan-kejayaan negara selama 50 tahun berdiri megah sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka.

Kandungan buku itu merakamkan peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah negara pada zaman penjajahan membawa kepada perjuangan ke arah kemerdekaan oleh para pejuang dan pengisian kemerdekaan dengan pelbagai dasar dan rancangan pembangunan.

Antara tokoh-tokoh perjuangan bangsa yang dipaparkan dalam buku itu ialah Datuk Onn Jaafar, pengasas UMNO dan pelopor gerakan politik negara; Tun Tan Cheng Lock, pengasas MCA dan pemimpin penyatuan orang-orang Cina di Tanah Melayu dan Tun V.T. Sambanthan, bekas pemimpin MIC yang bergabung dengan Parti Perikatan sehingga membawa kemena-

ngan besar Pilihan Raya Umum 1955.

Turut tidak dilupakan ialah empat bekas Perdana Menteri yang terdahulu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta Perdana Menteri yang kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang semuanya selaku tokoh penting negara yang membentuk Malaysia hari ini hingga ke tahap cemerlang, gemilang dan terbilang.

Bagi Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Datuk Abdullah Morat, dengan versi baru, buku bergambar itu turut memuatkan bahan bermaklumat lengkap mengenai perkembangan dan kejayaan negara yang perlu dihayati semua golongan masyarakat.

"Usaha penerbitan buku ini adalah bertepatan dengan visi Jabatan Penerangan Malaysia selaku teras dan peneraju utama jentera perhubungan awam dan penggerak minda rakyat, yang sentiasa berusaha memberikan informasi berguna kepada rakyat tentang apa juga yang berlaku di dalam negara.

"Ini juga merupakan satu inisiatif untuk menggambarkan pencapaian negara dalam tempoh tersebut dan mengingatkan rakyat akan apa sebenarnya erti kemerdekaan serta bersamasama berperanan mengekalkannya," katanya dalam kata-kata aluan buku berkenaan.

Buku yang boleh dianggap buah ta-

ngan istimewa Jabatan Penerangan itu, turut mencakupi peranan Malaysia di arena antarabangsa, ke arah kegemilangan Wawasan 2020, Islam Hadhari dan perpaduan negara.

Pada masa yang sama, buku berkenaan, mampu menjadi bahan koleksi sejarah kerana banyak mengungkap pahit maung perjuangan anak bangsa sejak awal kebangkitan nasionalisme negara untuk menuntut kemerdekaan, penentangan Malayan Union, darurat sehingga membawa kepada kemantapan bangsa dengan kelahiran Rukun Negara, penyatuan dan perpisahan dengan Singapura dan peristiwa 13 Mei.

Malaysia terus cemerlang dengan penubuhan Bank Negara, Mara, SIRIM, Amanah Saham Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad dan Bank Islam yang pertama pada 1983 diikuti pembinaan Jambatan Pulau Pinang, pelancaran kereta nasional Proton Saga, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya dan Cyberjaya serta penganjuran Formula Satu pertama di Litar Sepang pada 1999.

Kegemilangan negara juga terserlah dengan pembinaan Menara Berkembar Petronas yang menjadi bangunan berkembar tertinggi di dunia, pelancaran satelit pertama Measat 1, laluan kedua ke Singapura diikuti permulaan operasi Sistem Transit Aliran Ringan di Kuala Lumpur.